



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 4,
62100 W.P. PUTRAJAYA**

**Telefon : 03-8891 5555
Fax : 03-8891 5557
Kawat : "MINRUMAH"
http ://www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : [kpkt_gov](#)
Facebook: [KPKTMalaysia](#)**

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.39 (72)
Tarikh: 11 Jun 2012

SIARAN MEDIA

"MY HOMETOWN" PAPAR PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU

Shah Alam, 11 Jun 2012 – Penubuhan Kampung Baru yang merupakan sebahagian daripada "Briggs Plan" pada awal tahun 1950an semasa era darurat telah menyaksikan satu pembangunan yang pesat dewasa ini.

Kemajuan pembangunan yang telah dilaksanakan di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui penubuhan Bahagian Kampung Baru, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 2004 telah menyaksikan pelbagai pembangunan infrastruktur-infrastruktur asas seperti jalan awam, longkang, gelanggang permainan, dan kemudahan awam bagi kesejahteraan penduduk.

Sebanyak RM54.81juta telah diperuntukkan pada tahun ini untuk pembangunan infrastruktur bagi meningkatkan kemudahan sosial dan rekreasi yang sedia ada. Dengan populasi lebih daripada 1.2 juta penduduk menginap di lebih kurang 607 Kampung Baru yang terdiri daripada 405 buah Kampung Baru Tradisional, 113 Kampung Baru Rangkaian dan 44 Kampung Bagan di seluruh negara, perubahan dan kemajuan pembangunan yang telah dilaksanakan dirasai oleh anak-anak watan penduduk Kampung ini.

Inisiatif You Channel Network dan Jabatan Penyiaran Negara dalam menghasilkan Dokudrama “My Hometown” yang telah mula disiarkan pada awal Mei 2012 merupakan satu usaha murni untuk anak-anak muda mengenali asal usul dan melihat kemajuan perkampungan mereka.

Dokudrama “My Hometown” yang disiarkan di Saluran 2 RTM, ini menyelitkan banyak mesej dan peringatan sepanjang 13 episod ini. Gandingan dua pengacara muda Julio Ng dan Shin Li bersama-sama dengan artis undangan yang merupakan anak watan dari kampung-kampung baru mengupas kembali kenangan-kenangan manis termasuk cita rasa makanan tempatan, kawasan rekreasi dan peninggalan sejarah, dan cerita tempatan.

Ciri-ciri unik di kampung-kampung baru ini dilihat berpotensi untuk menjadi daya tarikan pelancongan. Usaha yang dilakukan You Channel Network Sdn. Bhd. akan dapat mengintegrasikan lagi pembangunan Kampung Baru.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato’ Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Landskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my